



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (124)

Tarikh : 17 April 2016

## SIARAN MEDIA

### Karnival Kisah Kejayaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar KPKT

**Ipoh, 17 April 2016** - Karnival AZAM Bandar Dan Seni Jalanan Urban Malaysia 2016 atau *Malaysian Urban Street Arts and AZAM Bandar Carnival (MURAL 2016)* dirasmikan secara bersama oleh YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Besar Perak dan YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada petang ini.

2. Program Karnival AZAM Bandar Dan Seni Jalanan Urban Malaysia 2016 (MURAL 2016) yang berlangsung dari 15 - 17 April 2016 diadakan bertujuan untuk mewar-warkan kisah kejayaan (*success story*) program AZAM Bandar kepada komuniti bandar agar ianya mampu memberikan tanggapan positif kepada program-program kerajaan, mempromosi barangan dan perkhidmatan peserta Program AZAM Bandar, meluaskan jaringan/*network* peserta ke seluruh negara serta memperkenalkan program-program di bawah KPKT seperti program-program Pembasmian Kemiskinan Bandar, Program Kitar Semula, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, Radio JKT (Jabatan Kerajaan Tempatan), Bomba, Jabatan Landskap Negara dan lain- lain.

3. Program AZAM Bandar atau dahulunya dikenali sebagai Program Latihan Kemahiran & Keusahawanan (PLKK) adalah program memperkasakan golongan berpendapatan rendah (B40) di bandar dengan memberi peluang kepada peserta untuk meningkatkan kemahiran dan mengusahakan perniagaan sendiri yang boleh meningkatkan pendapatan, seterusnya memperbaiki kualiti hidup mereka. KPKT telah bekerjasama dengan NGO bagi menjayakan program AZAM Bandar ini sejak 2014 lagi.

4. Pelaksanaan Program AZAM Bandar telah berjaya memberikan impak dalam usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup kumpulan sasaran yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, pelaksanaan program ini tidak merangkumi aspek promosi dan perancangan pemasaran kepada produk-produk yang telah dihasilkan oleh peserta.

5. Sehubungan dengan itu, suatu konsep latihan lanjutan diperkenalkan di bawah Program AZAM Bandar iaitu Program AZAM *Beyond* yang menitikkan pembelajaran baru di dalam bidang keusahawanan. Bagi memberikan nilai tambah kepada peserta AZAM *Beyond*, program pemasaran dan promosi melalui Program *Extension Training for Urban* (EXIT4U) dimasukkan dalam skop Program AZAM Bandar di bawah RMKe-11.

6. Program ini adalah berbentuk program latihan lanjutan untuk peserta AZAM Bandar bagi membangunkan kapasiti dan keupayan mereka dalam aspek pemasaran. Program ini menerapkan elemen pemasaran dan promosi di pasaran terbuka dan secara *real-time* kepada para peserta. Selain itu, program ini juga dapat membina sebuah jaringan perniagaan dan hubungan baik di antara KPKT, NGO dan para peserta program.

7. Peserta Karnival AZAM Bandar dan Seni Jalanan Urban Malaysia (MURAL 2016) terdiri daripada:

- (i) 105 peserta AZAM Bandar yang telah menjalani Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan (PLKK) dan telah berjaya menjana pendapatan melebihi RM300.00 sebulan;

- (ii) 8 buah jabatan/agensi Kerajaan di bawah KPKT yang akan membuat pameran tentang fungsi dan bidang tugas jabatan/ agensi masing-masing; dan
  - (iii) Para seniman jalanan yang akan mempamerkan bakat masing-masing.
8. NGO yang terlibat dalam Karnival AZAM Bandar dan Seni Jalanan Urban Malaysia (MURAL 2016) ialah:
- (i) Dewan Usahawan Industri Malaysia (DUID)
  - (ii) Pertubuhan Kebajikan Modal Insan 1 Malaysia (PKMI1M)
  - (iii) Dewan Perniagaan Islam Malaysia (DPIM)
  - (iv) Pertubuhan Kebajikan Mahabbah Malaysia (MAHABBAH)
  - (v) Persatuan Profesional Melayu Malaysia (PPMM)
  - (vi) Yayasan Mahir Malaysia (MAHIR)
9. Aktiviti bagi karnival ini adalah meliputi;
- (i) Pelbagai gerai jualan oleh peserta AZAM Bandar sendiri yang akan memasarkan produk mereka dalam pelbagai bidang seperti barangan makanan, minuman, perkhidmatan, jahitan dan kraftangan;
  - (ii) Pengisian pelbagai program seperti pertandingan *urban acoustic dan buskers challenge* oleh seniman jalanan dan program – program lain yang tidak kurang menariknya seperti *urban doodlers & paints* (pekan kartun),perarakan basikal antik dan busana lama, *movie animation park studio (maps)*,*urban rusty*, *street dakwah*, pameran oleh jabatan/agensi KPKT & seni *urban*, bazar produk tempatan dan beberapa aktiviti *xtreme sports*; dan
  - (iii) Pameran oleh jabatan dan agensi di bawah KPKT seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Landskap Negara.
10. KPKT bekerjasama dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Majlis Bandaraya Ipoh dan Koloni Karyawan Amanjaya (PORT) bagi memastikan karnival ini diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik buat rakyat Malaysia untuk bersama-sama menjalankan aktiviti tanpa mengira warna kulit, kaum dan agama. Kesemua program ini membantu dalam memperkasa bandar serta mevariasikan persekitaran bandar ke arah kehidupan yang lebih santai dan sejahtera.

-----

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)